

**Kebolehpercayaan Instrumen Hubungan Penyeliaan, Tekanan dan Strategi Daya Tindak terhadap Prestasi Kaunselor Pelatih di Malaysia: Kajian Rintis**  
*Reliability of the Supervisory Relationship, Stress and Coping Strategies Instruments on the Performance of Trainee Counselors in Malaysia: A Pilot Study*

Syaliza Adiha Binti Tewiran\*  
 Rahimi Che Aman,  
 Abdul Ghani Kanesan Abdullah

*Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan  
 Universiti Sains Malaysia*

\*Corresponding e-mail:[ syaliza6@student.usm.my]

The supervision relationship, stress and coping strategies of trainee counselors are important elements in seeing the performance of trainee counselors throughout the internship. This pilot study was carried out to examine the level of reliability of instruments used in the study of supervisory relationships, stress and coping strategies on the performance of trainee counselors in Malaysia. There are four instruments in this study namely The Short Supervisory Relationship Questionnaire (S-SRQ), Counseling Psychology Trainee Stress Survey (CPTSS), Coping Strategies Inventory Short Form (CSI-SF) and Counselor Performance Inventory (CPI). The study respondents consisted of 30 trainee counselors at one of the public universities in Malaysia. The results of the pilot study that has been conducted show high reliability and the instrument can be used for real studies. In addition, feedback from respondents related to the questionnaire is also seen to improve the study. Overall, this pilot study provides an initial overview of elements that can help see the performance of counselor trainees in Malaysia.

**Keywords:** supervisory relationships, stress, coping strategies, trainee counselor performance, reliability, pilot study.

Kaunselor pelatih merupakan individu yang sedang menjalankan latihan secara profesional dalam bidang kaunseling setelah mengambil subjek-subjek kaunseling yang telah ditetapkan oleh Lembaga Kaunselor Malaysia (Lembaga Kaunselor Malaysia, 2015). Menurut Lembaga Kaunselor Malaysia (2015), kaunselor pelatih perlu melalui dua fasa latihan profesional iaitu latihan praktikum dan seterusnya latihan internship. Sebagai kaunselor pelatih, sudah pasti prestasi menjadi salah satu perkara utama sebagai indikator kompetensi dalam bidang kaunseling.

Prestasi kaunselor pelatih merupakan kompetensi seseorang kaunselor pelatih

secara holistik dalam bidang kaunseling. Ilmu pengetahuan, memahami tingkah laku klien dan nilai kaunseling itu sendiri merupakan perkara asas yang boleh dilihat dalam prestasi kaunselor pelatih (Tate, Bloom, Tassara & Caperton, 2014). Menurut Tate et al. (2014), prestasi merupakan perkara utama dalam pendidikan kaunselor.

Bagi mendapatkan prestasi yang cemerlang, ianya mempunyai hubungan yang rapat dengan hubungan penyeliaan antara kaunselor pelatih dengan penyelia. Penyelia kaunseling semasa latihan internship terdiri daripada dua pihak iaitu penyelia akademik dan juga penyelia agensi (Lembaga Kaunselor Malaysia, 2015).

Dalam kajian ini, pengkaji hanya menyentuh aspek daripada penyelia akademik. Hubungan penyeliaan yang baik memberi kesan dalam perkembangan sebagai kaunselor pelatih itu sendiri (Bernard & Goodyear, 2014).

Hubungan penyeliaan adalah hubungan antara kaunselor pelatih dengan penyelia di mana setiap daripada mereka membawa pengalaman dan kualiti hubungan tersebut (Bernard & Goodyear, 2019). Konteks hubungan penyeliaan ini bukan sahaja dalam ruang lingkup akademik, malah juga lebih daripada itu. Hubungan emosi dan juga kefahaman antara kaunselor pelatih dengan penyelia membantu memudahkan perjalanan penyeliaan tersebut. Akhirnya hubungan penyeliaan tersebut memberi kualiti dan keberkesanan kepada Latihan internship (Bernard & Goodyear, 2019). Maka terbukti bahawa hubungan penyeliaan sangat penting bagi profesion kaunseling secara keseluruhan (Cheon, Blumer, Shih, Murphy & Sato, 2009). Hubungan penyeliaan yang kurang baik juga boleh menjadi tekanan kepada kaunselor pelatih (Warren & Schwarze, 2017). Ditambah dengan kurangnya latihan dan kefahaman tentang perkhidmatan kaunseling. Pelbagai tekanan yang dihadapi oleh kaunselor pelatih ini juga memberi kesan kepada prestasi kaunselor pelatih.

Tekanan merupakan sesuatu perkara yang berlaku melebihi daripada tuntutan atau kemampuan seseorang individu (Folkman, 2010). Tekanan yang dialami oleh kaunselor pelatih berpunca daripada pelbagai faktor. Antaranya masalah personal, tempat latihan, hubungan penyeliaan, rakan sekerja dan sebagainya (Kumary & Baker, 2008). Menurut Kumary dan Baker (2008), tekanan yang tinggi ini memberikan kesan yang negatif kepada kualiti perkhidmatan kaunselor pelatih. Untuk mengatasi tekanan yang berlaku, strategi daya tindak diperlukan.

Strategi daya tindak dilihat sebagai tindak balas terhadap tuntutan dalam situasi tertekan (Folkman & Lazarus, 1984). Tanpa strategi daya tindak dalam menghadapi tekanan mahupun cabaran dalam hubungan penyeliaan, ianya boleh memberi kesan kepada prestasi kaunselor pelatih.

Bagi melihat hubungan penyeliaan, tekanan dan strategi daya tindak terhadap prestasi kaunselor pelatih di Malaysia, beberapa instrumen digunakan. Instrumen untuk melihat hubungan penyeliaan antara kaunselor pelatih dan penyelia ialah *The Short Supervisory Relationship Questionnaire* (S-SRQ) manakala instrumen *Counselling Psychology Trainee Stress Survey* (CPTSS) digunakan untuk melihat tekanan yang berlaku terhadap kaunselor pelatih. Seterusnya instrumen *Coping Strategies Inventory Short Form* (CSI-SF) digunakan untuk melihat strategi daya tindak yang digunakan oleh kaunselor pelatih dan instrumen yang terakhir ialah *Counselor Performance Inventory* (CPI) untuk melihat prestasi kaunselor pelatih di Malaysia. Untuk menghasilkan kajian yang baik, satu kajian rintis perlu dijalankan terlebih dahulu.

Menurut Eldridge et al. (2016), kajian rintis adalah kajian yang dilakukan sebelum kajian yang lebih besar. Tambahan pula, kajian rintis merupakan kajian yang dilaksanakan dalam skala atau percubaan yang kecil untuk memastikan bahawa kajian yang sebenar akan dijalankan dengan jayanya (A. Devisakti & T.Ramayah, 2019). Kajian rintis juga menjadi langkah yang penting dalam penilaian intervensi dengan mendapatkan maklumat untuk merancang kajian yang sebenar (Bell, Whitehead & Julious, 2018). Tambahan lagi, kajian rintis membantu pengkaji untuk menguji secara teliti proses kajian ini berfungsi dan memutuskan cara terbaik untuk menjalankan kajian sebenar nanti (Ismail, Kinchin & Edwards, 2017). Oleh yang demikian, pengkaji telah menjalankan satu kajian rintis untuk melihat

kebolehpercayaan alat ujian serta mengenal pasti beberapa isu berkaitan alat ujian tersebut.

Berdasarkan kajian lepas, kebolehpercayaan untuk alat ujian *The Short Supervisory Relationship Questionnaire* (S-SRQ) adalah  $\alpha = 0.96$  (Cliffe et al., 2016). Manakala, hasil kebolehpercayaan alat ujian *Counselling Psychology Trainee Stress Survey* (CPTSS) oleh Kumary dan Baker (2008) ialah  $\alpha = 0.92$ . Bagi *Coping Strategies Inventory Short Form* (CSI-SF) pula, nilai kebolehpercayaan ialah  $\alpha = 0.56$  hingga 0.80 (Speyer, et al., 2016) dan  $\alpha = 0.78$  (Tosangwarn, Clissett & Blake, 2016). Kebolehpercayaan alat ujian *Counselor Performance Inventory* (CPI) oleh Innelli (2000),  $\alpha = .92$ ,  $\alpha = .93$  (Bradley & Ladany, 2001),  $\alpha = .95$  (Wan Marzuki Wan Jaafar, 2011) dan  $\alpha = .98$  (Nor Mazlina Ghazali, Wan Marzuki Wan Jaafar, Rohani Ahmad Tarmizi & Sidek Mohd Noah, 2016). Hasil daripada kajian lepas, tahap kebolehpercayaan alat-alat ujian tersebut berada di tahap yang tinggi.

## Metod

### *Sampel kajian*

Sampel kajian rintis kebiasaannya tidak sebanyak sampel kajian sebenar. Berdasarkan kajian Johanson dan Brooks (2010), mencadangkan jumlah minimum yang paling wajar untuk kajian rintis adalah seramai 30 orang responden. Oleh yang demikian, sampel kajian rintis ini terdiri daripada 30 orang kaunselor pelatih di sebuah universiti awam yang sedang menjalankan latihan praktikum. Kaunselor pelatih ini dipilih dalam kajian rintis kerana keadaan dan latar belakang mereka lebih kurang sama dengan populasi kajian sebenar iaitu kaunselor pelatih yang menjalani latihan internship. Responden dipilih secara rawak mudah dalam kalangan kaunselor pelatih.

### *Instrumen kajian*

Satu set soal selidik telah disediakan untuk kajian rintis ini. Soal selidik terdiri daripada lima bahagian. Bahagian A terdiri daripada demografi responden dan Bahagian B berkaitan hubungan penyeliaan iaitu *The Short Supervisory Relationship Questionnaire* (S-SRQ). Alat ujian ini dibina oleh Cliffe, Beinart dan Cooper (2016) dengan mempunyai 18 item soalan berkaitan persepsi kaunselor pelatih terhadap hubungan penyeliaan. Bahagian C pula berkaitan tekanan kaunselor pelatih iaitu *Counselling Psychology Trainee Stress Survey* (CPTSS) oleh Kumary dan Baker (2008) dengan mengambil 34 item soalan yang sesuai dengan budaya dan persekitaran kaunselor pelatih di Malaysia. Seterusnya, Bahagian D berkaitan strategi daya tindak iaitu *Coping Strategies Inventory Short Form* (CSI-SF) yang dibina oleh Addison et al., (2007) yang terdiri daripada 16 item soalan yang melihat aspek berfokus masalah dan berfokus emosi. Manakala, Bahagian E berkaitan prestasi iaitu *Counselor Performance Inventory* (CPI) yang telah dibina oleh Iannelli (2000) sebanyak 41 item. Prestasi kaunselor pelatih dilihat dalam tiga dimensi iaitu kemahiran kaunselor, ilmu kaunselor dan ciri-ciri hubungan terapeutik interpersonal.

### *Prosedur kajian*

Kajian dijalankan secara kuantitatif dengan mengedarkan set soal selidik kepada kaunselor pelatih. Masa yang diberikan untuk menjawab soalan tersebut ialah selama 25 minit. Arahan awal diberikan kepada semua responden agar mereka memahami konteks kajian ini. Responden menjawab soal selidik di tempat yang selesa dengan peralatan alat tulis yang sesuai. Di samping itu, pengkaji juga menyoal beberapa soalan kepada responden berkaitan soal selidik yang telah diberikan. Maklum balas responden ini juga boleh membantu pengkaji membuat penambahbaikan untuk kajian sebenar

(Creswell, 2012). Berikut merupakan soalan yang perlu dijawab secara dwipilihan iaitu YA atau TIDAK:

- 1) Adakah terdapat item yang sukar difahami?
- 2) Adakah memerlukan soalan dwibahasa (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris)?
- 3) Adakah masa yang diberikan mencukupi untuk menjawab soalan?

#### Analisis data

Untuk menganalisis data, SPSS versi 26.0 digunakan. Maklumat yang diperoleh dianalisis untuk melihat tahap kebolehpercayaan setiap instrumen dalam kajian dengan menggunakan *cronbach's alpha*. Selain itu, soalan maklum balas oleh responden berkaitan soal selidik juga diambil maklum sebagai penambahbaikan untuk kajian sebenar.

#### Keputusan

Dapatan kajian adalah hasil daripada analisis data yang telah dijalankan. Di bawah menunjukkan keputusan tahap kebolehpercayaan dan juga maklum balas responden berkaitan soal selidik yang diedarkan.

#### Keputusan kebolehpercayaan instrumen

Berdasarkan Jadual 1 menunjukkan keputusan kebolehpercayaan bagi setiap alat ujian. Kebolehpercayaan alat ujian *The Short Supervisory Relationship Questionnaire* (S-SRQ) untuk variabel hubungan penyeliaan ialah  $\alpha = .872$ . Manakala untuk alat ujian tekanan kaunselor pelatih, *Counselling Psychology Trainee Stress Survey* (CPTSS) kebolehpercayaan yang diperoleh ialah  $\alpha = .901$ . Bagi variabel strategi daya tindak, keputusan kebolehpercayaan alat ujian *Coping Strategies Inventory* (CSI-SF) ialah  $\alpha = .833$  dan variabel prestasi kaunselor pelatih, keputusan kebolehpercayaan alat

ujian *Counselor Performance Inventory* (CPI) ialah  $\alpha = .898$ . Hasil keputusan menunjukkan bahawa nilai pekali kebolehpercayaan instrumen untuk kajian ini berada di tahap yang tinggi.

#### Jadual 1

#### Keputusan kebolehpercayaan instrumen kajian

Bil.	Instrumen	Variabel	Keputusan
1.	<i>The Short Supervisory Relationship Questionnaire</i> (S-SRQ)	Hubungan penyeliaan	$\alpha = .872$
2.	<i>Counselling Psychology Trainee Stress Survey</i> (CPTSS)	Tekanan	$\alpha = .901$
3.	<i>Coping Strategies Inventory</i> (CSI-SF)	Strategi daya tindak	$\alpha = .833$
4.	<i>Counselor Performance Inventory</i> (CPI)	Prestasi kaunselor pelatih	$\alpha = .898$

#### Keputusan maklum balas soal selidik

Jadual 2 menunjukkan keputusan maklum balas soal selidik. Keputusan menunjukkan 30 orang responden menjawab tidak terdapat item yang sukar difahami dan terdapat 30 orang responden juga menjawab tidak memerlukan soalan dwibahasa (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris) dalam soal selidik. Seterusnya, 30 orang responden menjawab bahawa masa 25 minit yang diberikan untuk menjawab soalan adalah mencukupi.

Jadual 2

## Keputusan maklum balas soal selidik

Bil.	Maklum balas	Keputusan (YA)	Keputusan (TIDAK)
1.	Adakah terdapat item yang sukar difahami?	0	30
2.	Adakah memerlukan soalan dwi-bahasa?	0	30
3.	Adakah masa mencukupi untuk menjawab soalan?	30	0

### Perbincangan

Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kebolehpercayaan untuk semua alat ujian berada di tahap yang tinggi iaitu  $\alpha = .833 - .901$ . Menurut Taber (2017), bahawa nilai yang tinggi adalah antara  $\alpha = 0.73- 0.95$ . Keputusan kajian rintis ini selari dengan kajian-kajian lepas yang mempunyai nilai pekali kebolehpercayaan yang tinggi. Oleh itu, set soal selidik yang mempunyai empat instrumen ini boleh diguna pakai dalam kajian sebenar. Nilai pekali kebolehpercayaan instrumen ini dalam kajian rintis digunakan untuk memastikan bahawa setiap item dalam instrumen boleh digunakan dan dipercayai boleh mengukur apa yang sepatutnya ingin diukur dalam kajian.

Seterusnya, berkaitan maklum balas responden berkaitan soal selidik amat penting untuk penambahbaikan kajian di masa hadapan. Berdasarkan hasil keputusan, menunjukkan bahawa responden memberikan jawapan yang positif terhadap soalan yang diberi. Walaupun terdapat responden yang keliru dengan item, tetapi pengkaji telah jelaskan dengan lebih baik. Hal yang demikian, membantu pengkaji menambak arahan dalam alat ujian tersebut dalam kajian sebenar agar responden lebih jelas dengan

item yang diberi. Perkara ini selari dengan Creswell (2012), menyatakan bahawa dalam kajian rintis pengkaji membuat perubahan terhadap instrumen berdasarkan maklum balas sebahagian kecil responden yang menjawab soal selidik.

Bagi soalan dwi-bahasa, setelah mendapat maklum balas daripada responden, maka dengan ini pengkaji akan mengekalkan set soal selidik ini dengan menggunakan Bahasa Melayu sahaja. Memandangkan responden dan bakal responden untuk kajian sebenar merupakan kaunselor pelatih di Malaysia sahaja. Terakhir, berkaitan masa yang diberikan adalah mencukupi, maka untuk kajian sebenar nanti pengkaji akan mengekalkan tempoh masa tersebut iaitu 25 minit. Tambahan pula, semasa kajian rintis dijalankan ramai responden menjawab kesemua soalan kurang daripada 25 minit.

### Kesimpulan

Secara keseluruhannya, hasil daripada kajian rintis yang dijalankan menunjukkan bahawa instrumen hubungan penyeliaan, tekanan, strategi daya tindak dan prestasi kaunselor pelatih dapat digunakan dalam kajian sebenar. Nilai pekali kebolehpercayaan yang tinggi dan maklum balas yang positif terhadap soal selidik yang telah diedarkan kepada responden kajian rintis membantu dalam menjalankan kajian sebenar nanti.

Selain itu, di harap kajian sebenar dapat menghasilkan kajian yang baik bagi membentuk satu model prestasi kaunselor pelatih di Malaysia. Kaunselor pelatih merupakan individu yang bakal menjadi kaunselor profesional di mana boleh membantu rakyat Malaysia dalam menangani pelbagai isu yang berlaku pada zaman ini. Oleh yang demikian, dengan kajian ini dapat membantu pihak terbabit seperti tenaga pengajar, institusi malah bakal kaunselor sendiri memahami berkaitan lebih jelas lagi untuk menjadi

kaunselor yang berkemampuan dan berprestasi tinggi semasa dalam latihan lagi.

supervisee satisfaction. *Contemporary Family Therapy*, 31(1), 52-67.

### Rujukan

- A. Devisakti & T.Ramayah (2019). E-Learning Usage among University Learners: A pilot Study. *Journal Education and Elearning Research*, 6(3):149-155.
- Addison, C., Campbell-Jenkins, B., Sarpong, D., Kibler, J., Singh, M., Dubbert, P., Taylor, H. (2007). Psychometric Evaluation of a Coping Strategies Inventory Short-Form (CSI-SF) in the Jackson Heart Study Cohort. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 4(4), 289–295.
- Bell, M. L., Whitehead, A. L., & Julious, S. A. (2018). Guidance for using pilot studies to inform the design of intervention trials with continuous outcomes. *Clinical epidemiology*, 10, 153-157.
- Bernard, J.M. & Goodyear, R. K. (2014). *Fundamentals of clinical supervision* (5th ed). Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Education.
- Bernard, J.M. & Goodyear, R. K. (2019). *Fundamentals of clinical supervision* (6th ed). Boston: Pearson Education.
- Bradley, L. J. & Ladany, N. (2001). *Counselor Supervision: Principles, Process, and Practice*. Philadelphia PA: Brunner-Routledge.
- Cheon, H. S., Blumer, M. L., Shih, A. T., Murphy, M. J., & Sato, M. (2009). The influence of supervisor and supervisee matching, role conflict, and supervisory relationship on supervisee satisfaction. *Contemporary Family Therapy*, 31(1), 52-67.
- Cliffe, T., Beinart, H. & Cooper, M. (2016). Development and validation of short version of the Supervisory Relationship Questionnaire. *Clinical Psychology and Psychotherapy*, 23, 77-86.
- Creswell, J. W. (2012). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research* (4th Ed.). Pearson Merrill Prentice Hall.
- Eldridge, S. M., Lancaster, G. A., Campbell, M. J., Thabane, L., Hopewell, S., Coleman, C. L., & Bond, C. M. (2016). Defining feasibility and pilot studies in preparation for randomised controlled trials: development of a conceptual framework. *PloS one*, 11(3).
- Folkman, S. (2010). Stress, coping and hope. *Psycho-oncology* 19 (9), 901-908.
- Ismail, N., Kinchin, G., & Edwards, J. A. (2017). Pilot study, Does it really matter? Learning lessons from conducting a pilot study for a qualitative PhD thesis. *International Journal of Social Science Research*, 6(1), 1-17.
- Johanson, G. A. & Brooks, G. P. (2010). Initial Scale Development: Sample Size for Pilot Studies. *Educational and Psychological Measurement*, 70(3), 394–400.
- Lazarus, R.S. & Folkman, S. (1984). *Stress, Appraisal, And Coping*. New York: Springer Publishing Company.

- Lembaga Kaunselor. (2015). *Piawaiian Dan Kelayakan Latihan Kaunselor Dengan Bidang Tumpuan Utama*. Kuala Lumpur: Lembaga Kaunselor.
- Kumary, A. & Baker, M. (2008). Stresses reported by UK trainee counselling psychologists. *Counselling Psychology Quarterly*, 21(1), 19–28.
- Nor Mazlina Ghazali, Wan Marzuki Wan Jaafar, Rohani Ahmad Tarmizi & Sidek Mohd Noah, (2016). Influence of Supervisees' Working Alliance on Supervision Outcomes: A Study in Malaysia Context. *International Journal of Social Science and Humanity*, 6(1), 9-13.
- Speyer, E., Morgenstern, H., Hayashino, Y., Kerr, P. G., Rayner, H., Robinson, B. M., & Pisoni, R. L. (2016). Reliability and validity of the coping strategy inventory-short form applied to hemodialysis patients in 13 countries: Results from the Dialysis Outcomes and Practice Patterns Study (DOPPS). *Journal of Psychosomatic Research*, 91, 12–19.
- Taber, K. S. (2017). The Use of Cronbach's Alpha When Developing and Reporting Research Instruments in Science Education. *Research in Science Education*. 1-24.
- Tate, K. A., Bloom, M. L., Tassara, M. H., & Caperton, W. (2014). Counselor Competence, Performance Assessment, and Program Evaluation: Using Psychometric Instruments. *Counseling and Development*, 47(4), 291-306.
- Tosangwarn, S., Clissett, P., & Blake, H. (2017). Psychometric Properties of the Thai Internalized Stigma Scale (TIS-LCH) for Care Home Residents. *Clinical Gerontologist*, 40(5), 362–368.
- Wan Marzuki Wan Jaafar. (2011). The counselling performance among trainee counsellor in Malaysia. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 30, 512-516.
- Warren, J. M. & Schwarze, M. (2017). Exploring Internship Experiences of Counselors-in- Training through Pinterest: A Consensual Analysis. *The Journal of Counselor Preparation and Supervision*, 9(2).